

BAB 4

KEMEROSOTAN MUTU ALAM SEKITAR AKIBAT PENCEMARAN

4.0 PENGENALAN

Bab ini menganalisis novel-novel Sarawak dari sudut kemerosotan alam sekitar akibat pencemaran. Kajian ini akan menjuruskan kepada tiga bentuk utama kemerosotan mutu alam sekitar yang menyebabkan pencemaran iaitu pencemaran air, udara dan bunyi. Walaupun analisis bab ini lebih menumpukan tentang kemerosotan mutu alam sekitar akibat pencemaran, namun, kehadiran elemen alam sekitar dalam novel-novel Sarawak turut ditinjau dalam bab ini sebagai satu bentuk perbandingan yang diketengahkan penulis berkaitan “nilai kesemulajadian” diingini. Ini secara tidak langsung menyerlahkan tentang kekayaan alam sekitar semula jadi Sarawak yang perlu dijaga dan dikenalkan.

4.1 PAPARAN ALAM SEKITAR SARAWAK DALAM NOVEL

Keindahan dan kekayaan alam semula jadi akan mewujudkan satu suasana tenang, tenteram, indah, segar, mempesona malah mengasyikkan. Tanpa mengira genre, keindahan alam sekitar hakikatnya terlalu akrab dalam penulisan kreatif. Penulis sering menggunakan alam sebagai pernyataan perasaan, menggambarkan keindahan atau menjadikannya sebagai perlambangan atau kiasan. Petikan berikut antara gambaran keindahan alam yang dikemukakan dalam novel;

James Rich terus terjun ke dalamnya. Airnya sungguh dingin dan batunya licin. James Rich cuba untuk bertahan merempuh arus itu kerana dia harus merakam gambar anak jeram yang terbentuk begitu indah di permukaan sungai. Arus air cuba menghanyutkan tubuh gempal itu. Pokok-pokok engsurai membentuk bumbung hijau di tengah-tengah sungai. Dia melihat seekor burung pekaka cicit yang bertenggek di atas dahan yang rebah di muka sungai. Beberapa cabang kecilnya mencecah air; cabang itu dibedal mengikut arus. Dia menanti burung itu terbang untuk memetik kameranya. Sungai, batu, pokok, burung, serangga, rumput, binatang dan Penan menjadikan rimba itu suatu kewujudan tanda kebesaran Tuhan.

(Jong Chiang Lai, 2008; 47)

Dalam novel *Suara dari Rimba* (2008), James Rich yang bertugas sebagai wartawan di Kuching telah ditugaskan untuk mencari, menemui dan memujuk Bruno Mansel, seorang environmentalis berasal dari Switzerland. Bruno Mansel dipercayai menyebarkan dakyah dan hasutan terhadap sejumlah kecil masyarakat nomad terutama Penan yang masih tinggal di dalam hutan Sarawak agar membuat penentangan terhadap pihak berkuasa dan menolak pembangunan yang cuba dibawa pihak kerajaan dengan alasan pembangunan berkenaan telah merosakkan alam sekitar. Dia yang turut hidup secara nomad dan berkahwin dengan wanita dalam kelompok masyarakat pribumi ini telah berjaya menghasut pemikiran mereka. Ekoran itu, berlaku beberapa penentangan di kalangan masyarakat pribumi yang mula berani mempamerkan protes mereka melalui sekatan-sekatan yang dilakukan terhadap jalan-jalan balak sehingga mengganggu kelancaran aktiviti pembalakan. Sekatan yang mereka lakukan ini, adakah berlangsung sehingga berbulan-bulan lamanya (Suhakam, 2007a; Suhakam, 2007b).

Dalam novel ini, James Rich bukan sahaja wartawan yang berpengalaman luas, malah dia juga anak watan Sarawak. Ini menjadikan beliau begitu memahami budaya setempat. Dia telah menjelaki Mansel sang aktivis alam sekitar itu sehingga jauh ke dalam hutan rimba. Usaha berkenaan menuntut dia untuk berada

di dalam rimba berkenaan dalam tempoh tertentu. Dia hanya membawa sedikit bekalan makanan, kamera, buku catatan dan rokok untuk dihadiahkan kepada masyarakat pribumi yang bakal ditemui. Semua gambaran keindahan alam semula jadi seperti petikan (halaman 47) dipaparkan pada bab awal novel *Suara dari Rimba* (2008) dari sudut pemerhatian watak ini. James Rich yang gemarkan keindahan alam semula jadi tidak melepaskan peluang untuk merakamkan semua keindahan tersebut melalui kameranya.

Perincian tentang keindahan alam sekitar berkenaan memaparkan tentang interaksi yang harmoni antara alam semula jadi yang terdiri daripada flora dan fauna selain alam sekitar fizikal. Gambaran awal tentang keindahan kawasan hutan sebelum berlaku pencerobohan hutan dan penyahutan akibat aktiviti pembalakan menyerlahkan tentang erti keindahan sebelum alam semula jadi ini hilang. Berasaskan keperluan yang sangat besar untuk menjaga sumber air dan sungai, hutan dan ekosistemnya yang saling berkaitan itu, pengarang melukiskan keindahan flora, fauna dan alam semula jadi fizikal dengan perincian yang terpenuh keindahan (Maharam, 2009). Cara ini sangat sinonim dengan dunia penulisan kreatif. Pengarang seakan tidak dapat membebaskan diri daripada merakamkan keindahan alam dalam setiap karya. Kekayaan fauna di belantara Sarawak diilustrasikan pengarang seperti petikan berikut;

Bising lotong sahut-menyahut mengimbau dari jauh, dari arah hulu sungai Batang Layar. Di atas, tupai-tupai girang melompat di ranting-ranting, terjun ke cabang pokok embawang. Kemudian pantas berlari berkejaran bila terkejut disergah kedatangan seseorang di bawah. *Tupai pun menghilang di dalam rimbunan daun hijau pokok empetir. Terus menikus tidak bunyi-bunyi lagi di sarang di puncak pokok itu. Beberapa ekor monyet lari lintang-pukang melihat gelagat tupai yang lari ketakutan itu. Bising monyet deras membingitkan hutan hijau dan unggas serta mergastua di situ pantas menyorokkan diri pada tempat yang terlindung. Lalu bising itu semakin menjauh. Kemudian hilang ditelan jarak. Cuma burung tiung, ketupong, gagak rimba dan kenyalang melintas cepat di puncak meranti. Ada juga yang berani melintas laju di bawah. Kemudian*

menghilang di celah-celah pokok mara bara, bertenggek di akar tenggang yang bergayutan dari dahan pokok merbung berjuntai ke bawah, juga di akar basung yang merayap pada perdu pokok mara gantung. Hutan menghijau tidak begitu jelas. Samar-samar.

(Jong Chiang Lai, 2008; 2)

Jong Chian Lai dalam petikan novel ini melakarkan keindahan alam sekitar semula jadi yang terdapat di pedalaman Sarawak. Pada ketika ini, kegiatan pembalakan haram masih lagi belum dijalankan. Masyarakat tempatan yang hidup di kawasan sekitar belum terdedah dengan pencemaran bunyi, udara dan air malah nilai semula jadi masih lagi terjaga. Setiap hari mereka dihidangkan dengan keindahan kawasan hutan, kekayaan flora dan kemewahan fauna, sumber semula jadi seperti tumbuhan hutan dan air sungai masih terjaga dan digunakan dengan selamat. Pada masa ini, mereka bebas untuk menjerat burung-burung yang disukai, memburu binatang hutan untuk dimakan dengan mudah dan mendapat bekalan air sungai yang bersih. Suasana sebegini menggambarkan habitat berkenaan dihuni oleh pelbagai jenis hidupan hidup bebas dalam habitat semula jadi, secara tidak langsung menggambarkan kekayaan bumi Sarawak dengan kepelbagaian biodiversity seperti dinukilkan dalam novel ini.

Kepelbagaian habitat juga secara tidak langsung menyatakan bahawa kawasan hutan berkenaan selamat untuk didiami, mempunyai sumber makanan yang mencukupi dan sesuai dengan keperluan hidupan. Keseimbangan ekosistem yang wujud sangat penting bagi memastikan peningkatan kandungan karbon yang diserap, kandungan oksigen yang dibebaskan dan pemuliharaan kepelbagaian spesies. Semua ciri ini memenuhi keperluan alam sekitar yang seimbang. Bukan sahaja Sarawak, semua negeri di Malaysia kaya dengan keindahan alam semula jadi yang menjadi tarikan seperti kawasan tanah tinggi, hutan, pantai, laut, pulau-

pulau, malah tarikan warisan seperti tapak arkeologi, tempat bersejarah dan sebagainya. Semua keindahan dan keistimewaan ini adalah antara elemen yang sering digarap penulis dalam karya mereka. Interaksi yang berlaku antara manusia (penulis dan pembaca) dengan alam menyerahkan satu bentuk hubungan yang seimbang dan harmoni. Manusia dan alam sekitar saling berhubungan dan memberi kesan antara satu sama lain. Ini memberi rangsangan kepada manusia untuk melakukan tindakan dan aktiviti bagi mencapai hasrat tersebut sejajar dengan nilai yang dianut. Keseimbangan alam yang terjejas menyebabkan wujudnya masalah alam sekitar.

Keadaan alam sekitar akan terpelihara jika sumber alam diurus dengan wajar. Mutakhir ini, proses penerokaan dan penggunaan sumber alam di seluruh dunia melalui pelbagai kegiatan ekonomi, berlaku dengan kadar yang amat pesat (Katiman & Asmah, 2006). Apabila terjadi gangguan semula jadi terhadap alam sekitar fizikal melalui sesuatu proses, satu bentuk tindak balas secara semula jadi akan berlaku untuk memperbaiki keadaan tersebut (Jamaluddin Md. Jahi, 2001; Tauli-Corpuz & Tamang, 2007). Walau bagaimanapun, gangguan yang melampau akibat pengubahsuaian aktiviti manusia sehingga tidak mampu ditampung secara semula jadi akan menyebabkan berlaku kemerosotan mutu alam sekitar yang digelar keupayaan tampungan. Situasi degradasi atau kemerosotan sumber alam semula jadi akan mengancam kehidupan manusia pada skala tempatan, rantauan dan global yang dapat dikesan melalui kemerosotan kesejahteraan hidup manusia meliputi keselesaan, kesihatan dan keupayaan untuk menjalankan aktiviti hidup harian secara berterusan (Khairulmaini, 2009).

4.2 KEMEROSOTAN MUTU ALAM SEKITAR AKIBAT PENCEMARAN DALAM NOVEL KAJIAN

Bab ini akan menganalisis novel-novel yang dihasilkan penulis dari Sarawak berkaitan kemerosotan mutu alam sekitar akibat pencemaran. Analisis ini akan mengklasifikasikan pencemaran berkenaan kepada tiga kategori iaitu pencemaran air, pencemaran bunyi dan pencemaran udara.

4.2.1 Kemerosotan Mutu Alam Sekitar Akibat Pencemaran Air

Berdasarkan novel kajian, hanya dua buah novel mengutarakan isu pencemaran air iaitu *Ngayau Air* (2001) dan *Suara dari Rimba* (2008). Novel *Ngayau Air* (2001) dihasilkan melalui Peraduan Menulis Sastera Kreatif 1995/1996 berkisar tentang kehidupan seekor buaya yang semakin terancam di Sungai Batang Lumar ekoran pencemaran air dan aktiviti manusia. Novel ini menggunakan sudut pandangan seekor buaya sebagai watak utama yang mendominasi cerita. Penurunan kualiti air sungai menyebabkan kehidupan reptilia itu terancam. Sungai tidak lagi selamat untuk didiami sehingga menyebabkan buaya berkenaan berhadapan dengan risiko kematian dan akhirnya memaksanya mencari habitat baru seperti yang digambarkan dalam petikan berikut;

“Aku telah pun membuat keputusan. Kau boleh menetap di sini selagi kau mahu. Di sini kau lebih selamat. Batang Lumar bukan lagi medan untukmu bertapa. Lebih-lebih lagi di tengah era pembangunan yang sedang pesat sekarang. Saban waktu kilang balak, kilang memproses papan dan kilang industri ringan dan berat semakin tumbuh bak cendawan sepanjang tebingan sungai itu. Nah! Berlaku pencemaran merata-rata. Hutan rimba diteroka dengan membabi buta. Sungai pula tercemar oleh bahan kimia dan sisa toksik tanpa kawalan. Belum lagi dikira racun tuba, bom air dan macam-macam lagi bencana. Jelas. Zaman sekarang sungai bukan lagi tempat yang amat selamat untuk reptilia sejenismu.”

(Halim Bolhi, 2001; 114)

Menurut kritikan Eko, teks sastera memberi gambaran dan mencerminkan tentang bagaimana sesebuah tamadun menjaga warisan semula jadi. Alam sekitar dalam kritikan Eko turut meneliti tentang budaya masyarakat yang dipaparkan dalam karya berdasarkan kehidupan dan interaksi sosial yang wujud (Howarth, 1994). Dalam petikan di atas, pembangunan yang pesat berlaku menyebabkan banyak kilang dan kawasan industri dibina sepanjang tebing sungai, manakala kawasan hutan pula diteroka tanpa kawalan. Tanpa pengurusan alam bersifat lestari, alam akan musnah seperti diperincikan dalam petikan tersebut.

Buaya ini bukan sahaja berhadapan dengan ancaman manusia yang memusuhi kerana dianggap berbahaya, pemburu yang mengejar kulit untuk didagangkan, malah pencemaran alam sekitar akibat tercemarnya sumber air sungai. Pencemaran air akibat bahan kimia dan toksik daripada penerokaan hutan, hasil buangan industri perusahaan papan dan kilang industri berat serta sumber yang lain menyebabkan ancaman terhadap kehidupan reptilia itu. Sekiranya diteliti, terdapat pelbagai faktor yang menyumbang terhadap kemerosotan mutu alam sekitar dan mengakibatkan pencemaran air seperti pencemaran berpunca daripada aktiviti berkaitan pertanian, perlombongan, pembersihan tanah, pengilangan dan sebagainya. Pencemaran air menyebabkan gangguan dan kemasuhan hidupan akuatik serta kehilangan kawasan rekreasi, namun pada masa yang sama boleh mengganggu kesihatan terutamanya berkaitan dengan penyakit yang dibawa oleh air dan kehilangan harta benda serta nyawa (Jamaluddin Md. Jahi, 2001). Penggunaan racun rumpai yang berlebihan di kawasan pertanian, bahan buangan industri, bahan kimia, sisa toksik dan bahan kumbahan menyebabkan berlaku penurunan kualiti air sungai dan tidak sesuai

kepada kehidupan akuatik. Situasi inilah yang perlu dihadapi oleh buaya ini dalam novel *Ngayau Air* (2001).

Isu pencemaran air permukaan, laut dan udara adalah masalah alam sekitar yang bersifat merentasi sempadan (Katiman & Asmah, 2006). Ini bermakna, tumpahan minyak yang berlaku di perairan Singapura turut memberi kesan terhadap pesisir pantai Malaysia. Menyedari hakikat inilah, Linda dalam novel *Ngayau Air* (2001) telah membawa buaya yang sedang berdepan dengan ancaman pencemaran air itu ke kawasan hulu sungai yang lebih bersih sumber airnya dan lebih sesuai dijadikan kawasan penternakan buaya. Kolam kawasan ladang penternakan buaya buatan ini bersambung dengan aliran sungai dan terjaga kebersihan airnya bagi menjamin kesihatan anak-anak buaya. Kawasan sungai yang terletak di bahagian hulu masih lagi mempunyai tahap kebersihan yang tinggi kerana tidak terganggu dengan pencemaran diakibatkan bahan buangan industri dan kawasan pertanian atau pembalakan yang terletak di sepanjang sungai hingga ke hilir. Pencemaran air biasanya berlaku di bahagian yang lebih hilir akibat bahan buangan yang dialirkan ke dalam sungai di sepanjang sungai berkenaan. Di bahagian hulu, alam sekitar masih terjaga kerana tidak banyak berlaku penerokaan kawasan dan pembuangan bahan toksik. Dari sudut etika alam sekitar tindakan Linda memelihara anak buaya di kawasan bersih dianggap sebagai satu bentuk interaksi untuk melindungi kelangsungan alam tetapi dari sudut undang-undang negara Linda telah melakukan kesalahan kerana memelihara haiwan yang dilindungi (buaya). Namun begitu, usaha memelihara anak-anak buaya untuk tujuan perdagangan (kulit dan makanan eksotik) dilihat sebagai satu tindakan tidak beretika dan kejam.

Setiap faktor alam sekitar saling berkait antara satu sama lain. Kombinasi dua atau lebih daripada faktor pencemaran akan memberi impak yang lebih besar. Kerosakan kawasan tadahan air akibat aktiviti manusia umpamanya, boleh menyebabkan kualiti bekalan air terjejas, sementara aras kandungan lumpur dan kelodak dalam air yang dibekalkan ke rumah-rumah kediaman pula semakin tinggi. Pelepasan bahan sisa kilang ke dalam sungai, kolam dan tasik juga turut menjelaskan kualiti air, seterusnya boleh menjelaskan kesihatan manusia. Penyakit seperti diarea dan taun boleh merebak melalui air yang tercemar, manakala penyakit kanser boleh dihidapi manusia yang menggunakan air yang dicemari bahan toksik (Katiman & Asmah, 2006). Pencemaran menjadi lebih hebat apabila terdapat golongan yang tidak mempunyai kesedaran untuk menjaga kelangsungan sungai. Mereka mengguna tuba atau bom elektrik untuk mendapatkan ikan, membebaskan racun ke dalam sumber air dan sebagainya. Penggunaan racun, tuba atau bom elektrik ini akan menyebabkan semua hidupan air terancam, walaupun hanya ikan yang disasarkan. Semua hidupan sungai yang lain turut menerima akibat dan mati, manakala sumber air pula tercemar. Penulis menyatakan hal sebegini seperti petikan berikut;

“Oh ya, aku terlupa memberitahumu rangka strategi asal. Begini. Orangku akan menabur racun ke dalam sungai. Kita gunakan bahan kimia yang paling efektif,” kata Linda menjentik jarinya. “Apa sahaja yang terkena kimia beracun itu, pasti ngap! Anak-anak buaya ternakan Kudang pasti mampus!”
“Tapi itu perbuatan yang salah, Linda. Satu jenayah,”
“Kenapa baru sekarang kau mempersoalkan tentang undang-undang? Kenapa sebelum ini kau tidak mempertikaikan kesalahanmu memelihara seekor haiwan liar terlindung dari sisi perlembagaan?”

(Hamlin Bolhi, 2001; 342)

Petikan di atas merupakan dialog antara Linda dan Silum tentang rancangan licik Linda untuk sabotaj rakan niaganya, Kudang. Linda merancang

untuk merosakkan projek penternakan buaya yang sama-sama diusahakan bersama Kudang disebabkan dendam dan sakit hati. Dia telah mengupah beberapa orang untuk mencerahkan bahan kimia beracun ke dalam sungai yang menjadi sumber air utama ladang ternakan buaya itu. Ini menyebabkan anak-anak buaya tersebut mati, sekaligus mengakibatkan Kudang mengalami kerugian. Tindakan meracuni sumber air adalah satu jenayah dalam Akta Kualiti Alam Sekitar (1974) di bawah syeksen 21 yang sabit kesalahan boleh dijatuhi hukuman tidak lebih lima ratus ribu ringgit (RM500, 000.00) atau penjara tidak lebih daripada lima tahun, atau kedua-duanya sekali. Mengikut akta Perlindungan Hidupan Liar pula, memelihara, memiliki dan menyimpan haiwan liar yang dilindungi tanpa kebenaran atau mempunyai lesen merupakan satu kesalahan di sisi undang-undang Malaysia.

Dari sudut undang-undang dan etika alam sekitar, tindakan meracuni sumber air secara sengaja merupakan tindakan yang tidak beretika kerana sengaja merosakkan hidupan. Kesannya akan dialami oleh pengguna sungai tersebut termasuk manusia. Dalam novel ini, pengarang mengetengahkan watak Linda yang akan menggunakan racun kimia dalam sumber air kerana berdendam dan mahu menggagalkan penternakan buaya diusahakan Kundang. Niat Linda hanya untuk membunuh anak-anak buaya tersebut sahaja, tetapi cara yang digunakan meninggalkan impak yang sangat besar kepada persekitaran terutama sumber air. Racun yang dimasukkan ke dalam air bukan sahaja matikan anak buaya dan hidupan air yang lain, namun pada masa yang sama akan menyebabkan air tersebut tidak selamat berada di persekitaran semula jadi. Racun berkenaan akan larut ke alam sekitar seperti mengalir ke dalam sumber air yang lain (sungai, tasik dan lain-lain), larut ke dalam tanah dan diserap tumbuh-tumbuhan. Untuk jangka

masa yang panjang, racun itu akan kembali semula kepada manusia melalui kitaran hidrologi semula jadi sumber makanan sama ada sayur-sayuran dan buah-buahan ataupun sumber ikan air tawar.

Jong Chian Lai dalam novel *Suara dari Rimba* (2008) pula mengemukakan kritikan tentang segelintir masyarakat yang melakukan eksploitasi terhadap alam tanpa memikirkan tentang kelangsungan hidupan berkenaan pada masa hadapan. Penggunaan tuba dan dinamit menyebabkan ikan dapat ditangkap dalam jumlah yang banyak tanpa mengira saiz. Dalam jangka masa panjang, tindakan ini berbalik kesannya kepada manusia semula. Kritikan pengarang ini dapat dilihat seperti petikan berikut;

“Ya...tapi untuk kepentingan pelancongan. Mereka tak melindungi hidupan liar. Katakan ikan...tiada peraturan mengenainya. Semua orang menangkapnya. Yang melindunginya hanya kalau tiada jalan untuk sampai ke kawasan itu dan jadi masalah untuk menangkapnya.” Ulasan Brueno Mansel begitu bernas. Kekadang semacam ada satu “kuasa rimba” yang berbicara dengannya untuk meluahkan hujah itu.

“Jalan balak membuka jalan kepada pemburu dan penangkap ikan. Mereka gunakan tuba dan dinamit untuk dapatkan habuan banyak.” James Rich semakin terpukul oleh kebenaran itu.

“Pekerja-pekerja balak tangkap ikan di Ba Magoh...berguni-guni dibawa balik. Mereka tangkap waktu ikan bertelur. Tiada tempat untuk ikan membiak. Tak sempat langsung. Kalau awak ke Ulu Baram, banyak ikan di situ. Mereka guna jala dan budak-budak untuk tangkap ikan. Tentu payah untuk ikan terus membiak.” Mustafa Manap dan Suhaili Osman tentu tidak begitu memahami keadaan yang dimaksudkan, terkadang-kadang orang kota “terpancing” oleh kejinakan, keaslian, kehijauan, keharuman, sumber-sumber yang banyak daripada rimba itu.

(Jong Chian Lai, 2008; 323)

Dari sudut kritikan eko yang dipegang Howarth (1994), pengarang menggunakan etika ekologi untuk menyalurkan pemikirannya berkaitan pebuatan golongan tertentu yang mengeksplorasi sumber alam untuk kepentigan diri sendiri. walaupun terdapat undang-undang negara yang jelas menggariskan tentang..... bagi menjaga kelangsungan alam, namun terdapat sebilangan orang

tertentu bertindak melanggarnya dengan sengaja seperti menangkap ikan menggunakan dinamit di taman negara. Tindakan ini bertentangan dengan etika ekologi yang mementingkan kelangsungan hidupan.

Jong Chian Lai melalui petikan ini menggunakan dialog antara Bruno Mansel yang dikatakan seorang aktivis alam sekitar yang cuba mempengaruhi masyarakat pribumi Sarawak terutama Penan, agar menentang pembangunan yang dirancang pihak kerajaan, dengan James Rich, seorang wartawan berkaliber yang diamanahkan untuk mencari dan membawa keluar Bruno Mansel dari hutan Sarawak, seterusnya cuba dihantar pulang ke negara asal. Kedua-dua watak ini saling bertelingkah pendapat tentang alam sekitar semula jadi di Malaysia. Bruno Mansel menuduh kerajaan Malaysia telah mengeksplotasi sumber hutan Sarawak dan memaksa masyarakat pribumi untuk mengubah cara hidup tradisi yang selama ini bersifat nomad dengan kehidupan moden. Dia lebih gemar masyarakat pribumi hidup di dalam hutan secara tradisi tanpa dimodenkan, namun pada masa yang sama dia mahukan golongan ini mendapat kemudahan kesihatan yang mencukupi. Pertentangan kehendak ini menjelaskan bahawa Bruno Mansel sendiri sebenarnya tidak bersedia untuk hidup secara nomad di dalam hutan belantara dan mengamalkan cara hidup nenek moyang masyarakat pribumi. Dia melakukannya (hidup secara nomad bersama masyarakat Penan di dalam hutan) kerana mempunyai agenda yang tersendiri. Dia perlu hidup seperti masyarakat pribumi untuk mengutip kepercayaan dan mempengaruhi mereka bagi memenuhi tuntutan tugasnya sebagai aktivis alam sekitar yang cuba menjelaskan nama Malaysia sebagai pengeluar hasil hutan yang bermutu tinggi. Bruno Mansel akan menulis laporan berdasarkan pengalamannya bersama masyarakat pribumi yang nomad di

tengah belantara ini. Laporan ini kemudiannya disebarkan ke seluruh dunia sebagai salah satu usaha boikot terhadap kayu kaya dari hutan Sarawak. Hal ini disokong oleh pengakuan Bruno Mansel sendiri, iaitu;

“Aku tak tahu. Semasa menyediakan deklarasi dan ditandatangani oleh ketua-ketua kaum, aku hantar kepada semua... Begitu juga laporan tentang masalah Penan, aku hantar pada akhbar di sini, dan luar negara. Orang ramai perlu tahu masalah Penan nomad kerana tak ada orang yang menyuarakannya bagi pihak mereka. Mereka yang datang, hanya pentingkan babi hutan, ikan ketika di Long Seridan. Mereka hanya nasihatkan supaya tinggal di rumah panjang. Mereka bagi tembakau, parang, tentunya orang Penan suka kerana mereka miskin. Apa yang diberi, mereka ambil.” Itu petanda-petanda seorang peminta sedekah (kalau di kota) di dalam rimba ini. Petanda-petanda mereka amat inginkan pembaharuan dalam kehidupan kerana merasa begitu sukar untuk hidup dalam kepompong rimba sahaja.

(Jong Chian Lai, 2008; 310)

Deep Ecology mengklasifikasikan eksplotasi alam sebagai melanggar etika ekonolgi. Interaksi yang harmoni dengan alam sekitar sangat penting bagi kelangsungan persekitaran pada masa hadapan. Dalam petikan ini, James Rich selaku orang yang bertanggungjawab untuk berunding dengan Bruno Mansel pula perlu berusaha untuk meyakinkan lelaki itu bahawa kerajaan Malaysia telah menjalankan tanggungjawab sosialnya kepada seluruh penduduk dengan merancang satu bentuk pengurusan yang lestari dan mampan, iaitu pembangunan yang mengambil kira alam sekitar sebagai sebahagian daripada komponen utama yang perlu dititikberatkan. Walaupun begitu, James Rich menyedari bahawa masih terdapat lompong yang perlu diisi dan ditambahbaik oleh pihak berkuasa bagi memastikan kelangsungan alam sekitar dalam semua aspek pembangunan. Masalah utama alam sekitar di Malaysia adalah dari segi penguatkuasaan kerana terdapat lebih 50 akta dan undang-undang berkaitan alam sekitar telah digubal. Namun, penguatkuasaan yang lemah menyebabkan wujud kepincangan yang kemudiannya digunakan Bruno Mansel untuk menguatkan hujahnya.

Walaupun Malaysia dan Sarawak mempunyai banyak Taman Negara (lampiran 2.14), namun kewujudan taman negara-taman negara berkenaan digunakan sebagai salah satu daripada daya tarikan kepada pelancong yang mengunjunginya. Penguatkuasaan yang longgar menyebabkan pelbagai aktiviti dijalankan tanpa dapat dikesan pihak berkuasa seperti berburu binatang liar dan menangkap ikan. Bruno Mansel menyalahkan pembinaan jalan balak sebagai pendorong kepada golongan ini untuk memburu dan menangkap ikan secara berlebihan. Kegiatan menuba, meletup dan menjala ikan secara berlebihan menyebabkan ikan tidak sempat membiak bagi menyambung kelangsungan spesies. Sesetengah pengunjung yang berkhemah juga didapati gagal mematuhi kesinambungan persekitaran alam dengan membuang sampah merata-rata di kawasan hutan sehingga mencemarkan kawasan berkenaan. Pendedahan tentang kemerosotan alam sekitar dari sisi struktur fizikal air apabila sungai tercemar telah dipaparkan Jong Chian Lai beberapa kali dalam novel *Suara dari Rimba* (2008). Gambaran ini sejajar dengan ciri-ciri struktur fizikal sungai yang tercemar dikesan berdasarkan molekul bahan terampai yang tepu hingga mengubah struktur fizikal dari sudut warna, rasa dan bau. Sungai yang tercemar juga mengandungi bahan-bahan zarah organik dan bukan organik yang mendak dan bahan terampai. Bahan pencemaran ini boleh dihanyutkan semula oleh arus deras atau diserap sebagai makanan kepada tumbuhan yang hidup di dalam air atau di tebing sungai. Ia juga boleh dipindahkan melalui kitar hidrologi dalam sistem persekitaran (Katiman & Asmah, 2006). Dilihat dari sudut kritikan eko, pengarang telah mengkritik pihak tertentu yang tidak prihatin dengan kelestarian alam walaupun terdapat undang-undang yang melindungi. Undang-undang negara mudah dikesampingkan kerana

kelemahan penguatkuasaan. Kritikan pengarang ini cuba menyedarkan masyarakat tentang kepentingan pengurusan alam yang baik.

Jong Chian Lai sering membandingkan sungai yang bersih dan sungai yang tercemar di dalam novel. Alam yang masih terjaga dipaparkan sebagai sangat indah, hijau, segar dan memberi kesan positif kepada jiwa, manakala kemasuhan alam diakibatkan aktiviti pembangunan menerima gambaran sebaliknya. Paparan ini boleh dilihat seperti berikut;

Keindahan kehijauan hutan mendamaikan hatinya. Apabila memasuki kawasan pedalaman, bukit-bukit semakin meninggi. Dari kejauhan kelihatan gunung yang diselaputi awan putih. Hutan hijau, bukit dan sungai keindahan tidak terpisahkan. James Rich cuba mentafsirkan tentang ‘suara-suara’ orang Penan menangani pembalakan. Kalau manusia menumbangkan pokok, bukit akan botak dan mengotorkan sungai. Dia melihat dari atas, kawasan yang dibalak, bukitnya, gondol dan air sungai kekuningan.

(Jong Chian Lai, 2008; 159)

Dari sudut ekologi, mutu air sungai yang sebelum ini jernih, bersih dan selamat digunakan telah berubah struktur fizikal dan kimianya apabila kawasan berhutan telah diganggu seperti diketengahkan pengarang dalam novel-novel *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* (1990), *Pindah* (1988), *Suara dari Rimba* (2008) dan *Ngayau Air* (2001). Dalam novel *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga*, *Pindah* dan *Suara dari Rimba*, Jong Chian Lai memaparkan pembalakan haram telah menjadi penyumbang terhadap kemerosotan mutu air sungai. Balak-balak yang ditebang telah menyebabkan kawasan asal menjadi terang benderang dan menggalakkan hakisan. Kawasan pembalakan yang diteroka tanpa had ini telah mendedahkan tanah di kawasan itu secara terus kepada cahaya matahari yang akan mengeringkannya. Tanpa litupan hutan dan tumbuhan tutup bumi, tanah terdedah kepada kekurangan lembapan air menyebabkan molekul tanah ini menjadi ringan dan mudah terhakis atau dipindahkan ke tempat lain. Angin dan aliran air ketika

hujan pula akan membawa molekul tanah ini ke tempat lain, seterusnya memasuki anak sungai (Sharifah Mastura, 2003). Ini menyebabkan sungai berubah warna. Perubahan mutu air sungai yang berlaku akibat pembalakan antara lain dinyatakan Jong Chian Lai dalam Suara dari Rimba (2008) di halaman 81.

Pada halaman 81 tersebut Jong Chian Lai menterjemahkan kritikan berkaitan kemusnahan alam semulajadi dalam dialog yang pendek dan padat, namun pada masa yang sama menjelaskan secara terperinci tentang suasana yang perlu didepani oleh sebilangan kecil masyarakat Penan yang masih hidup secara nomad di tengah belantara. Terdapat sejumlah dua peratus sahaja daripada masyarakat pribumi seperti Penan yang masih lagi menjalani kehidupan secara nomad (Nikolas, 2010). Banyak perkara yang perlu diubah dalam kehidupan mereka sekiranya mahu bersaing dengan masyarakat luar, namun mereka sukar untuk membuang cara hidup nomad yang diwarisi sejak turun temurun (halaman 143). Golongan ini tidak mampu mengadaptasi cara kehidupan masa kini yang lebih moden dan bergerak bersama arus pembangunan (halaman 164), walaupun sebenarnya mereka sudah mula mendapat pengaruh berkenaan seperti penggunaan jam tangan (halaman 29) dan mendapat pendidikan walaupun hanya tamat darjah enam (halaman 41). Mereka juga bercita-cita untuk memberi pendidikan yang lebih sempurna kepada anak-anak dan membina kehidupan yang lebih baik seperti bangsa-bangsa lain, sekalipun mereka sendiri ragu-ragu untuk membuat pembaharuan. Keinginan, kekeliruan dan harapan ini dipaparkan seperti dialog “Aku tak mahu anak aku hidup dalam hutan ni. Aku mahu mereka pergi ke sekolah, masuk universiti dan hidup seperti bangsa lain yang maju,” (halaman 164).

Masyarakat pribumi tidak menolak pembangunan yang cuba dibawa ke kawasan mereka, namun impak yang diketengahkan sukar untuk mereka terima. Jong Chian Lai mengetengahkan tentang kemerosotan mutu alam sekitar yang perlu didepani masyarakat pribumi sebagai faktor utama yang perlu mereka lalui. Pembalakan menyebabkan kualiti air sungai berubah menjadi keruh. Pembalakan tersebut juga menyebabkan kawasan hutan yang mereka diami kian tercemar. Bunyi jentera yang digunakan aktiviti pembalakan semakin menghampiri kawasan kediaman mereka tanpa dapat dilakukan apa-apa. Kemerosotan alam sekitar semulajadi di kawasan hutan yang didiami akibat pembalakan menyebabkan mereka menghadapi kesukaran untuk mendapatkan makanan. Binatang buruan semakin sukar diperolehi apabila kawasan hutan dicerangkan sehingga mereka perlu bergantung hidup kepada umbut tumbuhan dan kanji rumbia liar (Khaidir, 1993).

Dalam mastarakat Penan, sungai sangat penting kepada mereka terutama untuk memetakan kawasan dan tanah, menjadi alat perhubungan dan pengangkutan, mendapatkan sumber air minuman, sumber protein dan kegunaan domestik harian yang lain (SUHAKAM, 2007; Haliza Abdul Rahman, 2007). Mereka sangat kesal dengan kemerosotan mutu air sungai yang semakin tercemar akibat pembalakan, malah berlaku juga pencemaran bunyi bising. Ketenteraman hidup mereka telah tergugat impak daripada eksloitasi balak yang menjadi sumber ekonomi. Sungai yang menjadi sumber bekalan air minuman dan keperluan harian pula semakin merosot kualitinya. Kehidupan mereka menjadi semakin terhimpit kerana bekalan air bersih dan sumber protein yang berkurangan. Pencemaran sungai mendatangkan kesan yang besar terhadap kehidupan dan

menyumbang kepada merebaknya penyakit, kemusnahan ekosistem akuatik dan terganggunya keselesaan umum (Haliza Abdul Rahman, 2007). Namun begitu, kekesalan masyarakat Penan tidak dapat dinyatakan kerana tidak mendapat saluran yang betul. Apabila watak James Rich menjejak Bruno Mansel¹ ke tengah hutan dalam novel *Suara dari Rimba* (2008), mereka bertindak menyembunyikan aktivis Switzerland berkenaan kerana beranggapan bahawa orang putih tersebut lebih memahami tentang kehidupan, keperluan dan apa yang Penan mahukan. Hakikat sebenarnya, masyarakat Penan ini telah dieksplotasi untuk tujuan tertentu.

Perubahan kualiti air ini bukan sahaja dialami oleh masyarakat penan, namun turut memberi impak terhadap pengguna dan hidupan di dalam sungai tersebut. Hidupan air seperti ikan dan buaya (*Ngayau Air*) perlu berdepan dengan pencemaran berkenaan tanpa ada pilihan. Kesengsaraan hidupan air ini diperincikan dalam novel *Nganyau Air* (2001) pada halaman 201, 235 dan 236:

Apa pun, aku sempat bertindak balas melawan resapan kuasa ajaib yang menyelubungi sekujur tubuhku yang dikelilingi air yang dicemari racun buatan manusia. Nah, di situ juga darahku tersirap. Celaka. Akibat kegilaan manusia aku menaggung azab sekali lagi. Dulu, nuuuunnn, bermusim lamanya, itu, di perut Batang Luper aku pernah teranaya dek ketulahan manusia juga. Berhari-hari aku menderita. Sengsaranya ditimpa azab; seisi perutku mual memulas-mulas-pedih, bisa, sakit bukan kepala - dan badanku terasa gatal, bagi dibakar hangus, sengal, kebas, rasa disiat-siat, dan entah apa lagi. Wah! Terlalu mujarab racunnya. Sampai aku tersadai setengah mati berhari-hari lamanya. Aduuuhhhh, sengsara benar rasanya. Seks!

(Hamlin Bolhi, 2001; 235)

Mencemari sumber air adalah tindakan tidak beretika. Sungai adalah sumber alam milik bersama yang tidak dippunyai oleh individu tertentu. Meracuni sungai adalah merosakkan ekologi sungai berkenaan yang diketengahkan melalui watak seekor buaya. Novel ini menggunakan kaca mata seekor buaya untuk mengkritik sikap manusia yang tidak prihatin dengan alam sekitar. Buaya ini telah

menderita berhari-hari dan perlu bertarung dengan nasib untuk meneruskan kehidupan akibat kelalaian dan kejahilan manusia yang mengabaikan alam sekitar. Penderitaan yang perlu ditanggung buaya ini ekoran sikap tidak bertanggungjawab manusia menjaga kelangsungan alam adalah paparan sinis pengarang terhadap kepentingan menjaga alam sekitar sebelum musnah sepenuhnya. Terdapat pelbagai aktiviti manusia mengakibatkan pencemaran sungai tanpa mereka sedari, disokong oleh faktor persekitaran seperti hakisan kawasan pertanian yang mengandungi kandungan zarah terampai yang tinggi. Bahan kimia yang terdapat dalam racun rumpai, racun serangga, racun herba serta baja kimia juga turut mencemar air sungai. Aktiviti perlombongan, buangan sisa perindustrian, perbandaran, perumahan, perniagaan dan kilang turut mencemarkan air sungai (Haliza Abdul Rahman, 2007). Sungai yang tercemar mengakibatkan hidupan akuatik seperti buaya berhadapan dengan kemusnahan.

Penulis juga menyerlahkan emosi seekor buaya yang tidak berdaya melawan tabiat buruk manusia sehingga menzahirkan penentangan dengan apa yang berlaku kepada dirinya. Dia yang tidak bersalah, perlu menanggung penderitaan yang hebat hanya kerana kecuaian segelintir pengguna. Ini menyebabkan buaya ini bertindak agresif dan melawan, iaitu satu bentuk penentangan. Melihat dari sudut kritikan eko, menentang pencemaran air kerana kealpaan manusia oleh seekor buaya menyerlahkan tentang penentangan aktiviti tidak bermoral terhadap alam. Penggunaan seekor binatang (buaya) yang tidak berakal tetapi mengkritik sikap manusia yang berakal dan bertamadun adalah satu sindiran tajam terhadap ceteknya pemikiran manusia apabila berinteraksi dengan alam yang mereka diami, sedangkan manusia sendiri menyedari bahawa

“memusnahkan alam umpama membina kemusnahannya terhadap kehidupan mereka sendiri”. Sikap manusia yang suka mengotorkan alam perlu diubah untuk menjamin kelangsungan kehidupan pada masa hadapan. Penggunaan alam secara lestari, mampan dan berhemah sangat membantu hayat bumi. Kesedaran untuk menjaga dan menggunakan sumber secara begini perlu ditingkatkan.

Jong Chian Lai dalam *Suara Dari Rimba* (2008) menggunakan dialog yang mudah sebagai gambaran terhadap kehadiran sifat prihatin terhadap alam melalui dialog, “Lipan terus tumbangkan pokok buah, halau binatang dan kotarkan sungai. Siapa yang boleh tunggu dan tengok?” (halaman 100) dan “Apa yang perlu kami buat dengan lipan tu? Pokok buah dah musnah. Binatang lari jauh ke dalam hutan. Sungai jadi keruh” (halaman 90). Kedua-dua dialog ini dituturkan masyarakat Penan yang menyedari berlaku kemerosotan terhadap mutu air sungai secara tidak langsung bermaksud mengancam mutu kehidupan sehari-hari mereka. Mereka mula mempersoalkan tentang pihak berkaitan yang dipanggil “perintah”, yang meluluskan lesen pembalakan berdasarkan faktor ekonomi semata-mata. Kehidupan masyarakat tempatan di kawasan yang terlibat, terutama Penan tidak diambilkira, malah diabaikan, sedangkan kesan secara langsung perlu mereka hadapi apabila berlaku impak terhadap pembalakan berkenaan. Mereka juga mula menyedari tentang wujudnya hubungan timbal balik antara satu sumber alam dengan sumber alam yang lain, termasuk kaitan semua itu dengan kemusnahannya alam sekitar apabila kemerosotan mutu alam sekitar benar-benar berlaku di hadapan mata. Kebimbangan ini dipaparkan dalam dialog “Kalau ia tumbangkan pokok meranti tu, jakah akan mati....semuanya...rotan akan mati dan sungai kotor”. (Jong Chian Lai, 2008; 363). Sistem semulajadi mampu mengimbangi

persekitaran, namun, kadar pencemaran yang meningkat akibat aktiviti manusia tidak lagi mampu ditampungi secara semula jadi menyebabkan berlaku kemerosotan persekitaran semula jadi. Pencemaran yang bertambah buruk akhirnya akan meracuni manusia sendiri apabila alam tidak lagi mampu menampung ketidakstabilan tersebut (Haliza Abdul Rahman, 2007).

Kebijaksanaan watak semasa berinteraksi tentang alam sekitar dalam dialog ini menyerahkan tentang kebolehan pengarang menghubungkaitkan alam dengan kehidupan. Ayat “jadi, kalau tak tahu nak menciptanya, jangan musnahkannya” (halaman 363) mempunyai pengertian yang mendalam tentang keperluan untuk menjaga kelangsungan alam sekitar. Prinsip ini sudah pasti terlihat aneh untuk seorang Penan nomad yang jarang keluar dari hutan rimba, apalagi mendapat pendidikan. Namun begitu, bersandarkan prinsip, amalan dan kepercayaan masyarakat ini yang sangat dekat dengan alam sekitar, pandangan berkenaan menggambarkan bagaimana masyarakat pribumi ini berinteraksi dengan menghormati alam sekitar dan kehidupan mereka. Hubungkait antara satu kejadian (penebangan pokok) dengan peristiwa yang lain (jakah mati, rotan mati, sungai menjadi kotor dan penciptaan pokok) menggambarkan tentang kesedaran mereka terhadap akibat yang perlu diterima apabila melakukan pengubahsuaian yang melampau terhadap alam sedangkan manusia sendiri tidak mampu untuk mengawal alam sekitar itu sendiri. Dengan kesedaran itulah, alam tidak sepatusnya dimusnahkan.

Kesedaran untuk menjaga kelangsungan sumber seperti hutan dan sumber air menyebabkan mereka sanggup membuat penentangan melalui pelbagai cara seperti membuat sekatan, menghantar deklarasi dan memorandum kepada

pemimpin malah mengugut untuk mencederakan golongan pembalak menggunakan senjata (sumpitan) (Khaidir, 1993). Masyarakat pribumi sudah tidak dapat bersabar dengan perubahan mutu alam sekitar di kawasan tersebut kerana situasi ini juga mengganggu kehidupan sehari-hari. Pembalakan telah memberi ruang kepada pihak tidak bertanggungjawab menceroboh kawasan hutan dengan melakukan pembalakan haram, membuka kawasan ladang, malah ada antaranya telah memusnahkan kawasan perkuburan. Akibatnya, bekalan air dari kawasan tadahan asal tidak sesuai untuk diminum setelah punca sungainya tercemar. Penduduk terpaksa mengeluarkan belanja sendiri untuk membeli tangki air bagi menadah air hujan untuk memenuhi kegunaan harian. Mereka juga tidak boleh mandi dengan air sungai yang tercemar itu. Segala langkah yang mereka ambil tidak berhasil sehingga mendesak untuk mengambil langkah terakhir mempertahankan kawasan kediaman mereka. Oleh itu, mereka telah membuat rintangan secara aman di jalan masuk syarikat sawit atau pembalakan untuk menahan kegiatan pembalakan dan penanaman itu (Lin, 2008). Penentangan masyarakat pribumi ini telah digarap dalam novel *Suara dari Rimba* (2008) pada halaman 390.

Jong Chian Lai telah memaparkan kritikan melalui rasa tidak puas hati masyarakat pribumi dengan cara pihak tertentu menangani krisis alam dan menyindir supaya Perdana Menteri sendiri yang datang ke kawasan berkenaan untuk menumbangkan pokok uwut dan mengupas kulitnya. Sekiranya ketua negara sendiri yang datang dan melihat kesukaran yang mereka alami, sudah pasti masyarakat luar yang lain juga akan lebih prihatin berbanding sebelumnya. Ini juga merupakan seruan kepada pihak berwajib agar memandang serius masalah

yang mereka hadapi. Jadi, apabila masyarakat Penan membuat aduan atau memohon pertimbangan pihak berkuasa berkaitan alam sekitar, masalah mereka turut mendapat perhatian. Pernyataan ini juga nyata sekali mencabar masyarakat luar untuk cuba menyelami kesulitan cara hidup kelompok ini, seterusnya berusaha untuk lebih menghargai alam dan berinteraksi secara mampan bagi menjamin kelangsungan kehidupan penghuni yang lain. Mengikut rekod SUHAKAM, terdapat banyak siri sekatan atau blockout telah dilakukan masyarakat Penan bagi menghalang hasil hutan terutama balak dibawa keluar dari hutan. Bermula dengan membina benteng manusia, membuat sekatan di kawasan laluan ke kawasan pembalakan di Hulu Baram pada tahun 1986 dan 1987 (Khaidir, 1993), masyarakat pribumi semakin berani mempertahankan hak mereka terutama menuntut hak tanah adat (NCR) dan melakukan protes tentang aktiviti nyahhutan di kawasan mereka sehingga failkan kes mahkamah terhadap syarikat terbabit, PELITA, malah kerajaan negeri Sarawak sendiri (Lin, 2008).

Masyarakat pribumi dalam novel ini meluahkan rasa tidak puas hati terhadap pihak berkuasa tentang keperluan mereka berikutan pengeluaran lesen membalak menyebabkan kawasan hutan mereka mula dicerobohi. Meneliti dari sudut ekologi, alam sekitar dalam novel ini mula berubah dengan aktiviti pembalakan sehingga mengubah kehidupan mereka apabila sungai yang digunakan telah tercemar, manakala ikan yang menjadi sumber protein turut mati. Binatang yang sebelum ini boleh didapati dengan banyak telah mati atau lari jauh ke dalam hutan dan ini menyukarkan kaum Penan untuk mendapatkan sumber buruan. Pembersihan kawasan hutan juga menyebabkan berlaku pengurangan banyak spesies dalam habitat semula jadi. Jumlah hidupan liar telah berkurangan

bukan hanya disebabkan oleh penyahhutanan, tetapi juga pencemaran air, pertambahan bilangan pemburu dan senjata api, pertambahan penggunaan tanah untuk pertanian, petempatan serta infrastruktur dan langkah-langkah pemuliharaan yang tidak mencukupi (Jamaluddin Md. Jahi, 2001). Keadaan ini menyebabkan masyarakat yang bergantung hidup sepenuhnya kepada alam semula jadi akan berhadapan dengan masalah untuk meneruskan kelangsungan hidup. Ini ditulis sebagai protes Jong Chian Lai dengan nada sindiran. Golongan ini disuarakan penulis dengan mempersoalkan tindakan pihak kerajaan yang tidak berusaha untuk memahami masalah dialami, sebaliknya lebih mementingkan syarikat pembalakan. Suara rakyat pribumi tidak didengari oleh pihak berwajib sehingga menuntut mereka melakukan protes dan penentangan. Malangnya, protes berkenaan masih lagi gagal membawa suara mereka kepada pihak berwajib seperti yang dihasratkan, sebaliknya, mereka telah ditangkap dan dikenakan tindakan.

Pengarang turut melontarkan sindiran terhadap golongan pemikir dan pemerintah yang tidak berusaha untuk menyelidik sesuatu masalah dan keperluan hingga ke akar umbi, sebaliknya lebih suka menghalang suara-suara penentangan tersebut daripada tersebar dan diambil tindakan. Pihak atasan menganggap suara masyarakat kecil seperti Penan yang hidup secara nomad di dalam hutan sebagai suara yang tidak mempunyai apa-apa makna. Rintihan golongan ini tidak diambil tahu dan dipedulikan, sebaliknya menggunakan kekerasan untuk menyelesaikan masalah secara mudah seperti dirakamkan dalam ayat “tapi orang atas tak patut hantar polis dan tangkap kami. Baik benar kalau perdana menteri datang untuk ketemu saya” (halaman 349). Secara sinis, watak ini berjanji tidak akan mengapa-apakan Perdana Menteri, sebaliknya hanya meminta untuk ditumbangkan uwut

(rumbia) dan mengupas kulitnya sahaja, sebagai satu simbolik agar perdana menteri dapat merasai jerih payah kehidupan mereka di tengah belantara. Melakukan sendiri kerja-kerja penebangan sagu, seterusnya mengupas kulitnya pula akan memberi pengalaman baru kepada Perdana Menteri yang mungkin boleh memberi sedikit sebanyak gambaran tentang kesukaran hidup mereka di tengah belantara berbanding masyarakat lain yang menikmati lebih banyak kemudahan.

Berdasarkan analisis yang dilakukan terhadap novel *Ngayau Air* (2001) dan *Suara Dari Rimba* (2008). Kedua-dua pengarang ini menukilkan kelalaian manusia berinteraksi secara harmoni dengan alam sekitar menyebabkan golongan lain (buaya dan Penan) perlu menanggung impaknya apabila sungai tidak lagi mampu menampung pencemaran yang dicetuskan. Golongan yang tidak berdaya ini tidak mampu membuat apa-apa untuk mengubah malapetaka yang berlaku. Mereka tidak berdaya menentang kuasa yang lebih besar (manusia dan pihak berkuasa) menentukan kelangsungan hidup sendiri. Akhirnya mereka menderita berhadapan dengan impak pencemaran berkenaan sebagai golongan yang teraniaya.

Penelitian terhadap kedua-dua novel ini menyerlahkan tentang impak pencemaran yang serius telah berlaku di Sarawak. Pengarang menggambarkan tentang tragedi besar bakal memusnahkan alam sekitar Sarawak. Namun apabila dikaji secara teliti tentang pencemaran sungai di Sarawak melalui data dan statistik serta laporan tahunan alam sekitar dikeluarkan Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Perangkaan, didapati bahawa pencemaran sungai di Sarawak berada pada tahap minimum berbanding negeri-negeri lain di Malaysia. Pada tahun 2007, tidak

terdapat sungai di Sarawak telah diklasifikasikan sebagai sungai yang “Tercemar”, sementara jumlah sungai yang “Sederhana Tercemar” hanya sembilan batang sahaja berbanding 25 batang sungai berada dalam kategori sama pada 2001. Sungai yang berada dalam kategori “Bersih” pula terdapat 21 batang pada 2001 dan meningkat kepada 47 batang sungai “Bersih” pada 2007 iaitu peningkatan melebihi dua kali ganda. Ini bermakna, kerajaan negeri Sarawak menyedari tentang kepentingan mengekalkan dan meningkatkan tahap kebersihan sungai walaupun aktiviti pembangunan, pembalakan dan pembukaan tanah hutan serta pertanian giat dijalankan. Status kualiti air sungai pada tahap “Bersih” dan “Sedikit Tercemar” bagi tahun 2001 dan 2007 boleh dirujuk dalam jadual 2.3, 2.4, 2.5 dan 2.6 di bahagian lampiran.

4.2.2 Kemerosotan Mutu Alam Sekitar Akibat Pencemaran Bunyi

Analisis yang dilakukan terhadap novel-novel kajian mendapati bahawa hanya novel *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* (1990) menyisipkan tentang kemerosotan mutu alam sekitar akibat pencemaran bunyi yang berlaku di Bukit Kaling ekoran pembalakan haram. Jong Chian Lai masih lagi menggunakan jentera berat yang menolak tanah untuk pembinaan jalan balak sebagai punca berlaku pencemaran bunyi, iaitu punca yang sama terhadap pencemaran udara. Dalam ekologi, masalah alam sekitar merupakan masalah yang saling berkaitan dan bertindak balas antara satu sama lain. Pencemaran udara yang dicetuskan jentera yang melakukan pembinaan jalan balak, turut menyumbang bunyi bising semasa operasinya. Ini bermakna, bersumberkan jentera tersebut sahaja, terdapat dua bentuk pencemaran telah dihasilkan.

Ayat “Jentera di Bukit Kaling tidak langsung berhenti mengaum sejak subuh tadi...Bukit Kaling sentiasa terisi dengan bunyi bising jentera itu” (halaman 163) memberi gambaran tentang pencemaran bunyi yang serius sedang berlaku di kawasan berkenaan. Suasana yang tenteram selama ini telah berubah. Perubahan yang sangat ketara ini menjadi gangguan kepada penduduk yang tidak pernah terdedah dengan kemerosotan mutu alam sekitar sebelumnya. Penulis memperincikan tentang kegelisahan Jabau yang perlu berhadapan dengan kebisingan ini seperti petikan di bawah;

Bunyi jentera di Bukit Kaling semakin kuat ngaumannya. Asap-asap hitam yang keluar dari serombongnya sudah kelihatan...Bunyi jentera menolak tanah membingitkan. Jabau mendongak Bukit Kaling. Bukit Kaling kelihatan lapang sedikit. Tidak lama lagi bukit itu botak. Hatinya panas benar dengan benda jahanam yang bergerak-gerak itu. Subuh-subuh lagi sudah mengacau. Sudah menghiruk-pikukkan ketenangan. Jentera berbadan besi tidak henti-henti bekerja siang ke senjanya. Kalau berhenti pun bila matahari sudah hilang.

(Jong Chian Lai, 1990; 159)

Petikan ini memaparkan bagaimana jentera menyumbang kepada pencemaran udara di Bukit Kaleng. Pencemaran bunyi dalam bidang ekologi dikaitkan dengan gangguan bunyi bising yang melebihi tahap mampu diterima oleh pendegaran. Apabila berlaku kebisingan melebihi tahap mampu ditampung oleh pendegaran, bunyi berkenaan akan mengganggu keselesaan kehidupan seharian. Dalam novel *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* (1990), pencemaran tersebut berpunca daripada bunyi jentera yang digunakan untuk mencerangkan kawasan Bukit Kaling.

Jong Chian Lai memperlihatkan tentang tindakan tidak beretika golongan pembalak melalui aktiviti membalaik secara haram di Bukit Kaling. Apabila Bukit Kaling di Nanga Tiga dibalaik dengan intensif, impak terhadap pencerobohan alam sekitar semula jadi semakin menyerlah. Penduduk Nanga Tiga mula menyaksikan

bagaimana persekitaran mereka semakin berubah. Bunyi jentera yang memugar Bukit Kaling tidak berhenti seharian; bermula awal pagi hingga matahari terbenam. Kebisingan yang sangat panjang itu semakin menyakitkan hati Jabau, bercampur pula dengan perasaan benci yang semakin meluap-luap terhadap Apai Icut. Walau bagaimanapun, Jabau tidak mampu berbuat apa-apa lagi kerana Apai Icut sendiri sudah hanyut dengan kesenangan yang diumpam Poling dan Tauke Yap.

Jabau dapat merasakan perjuangannya untuk mempertahankan alam semula jadi di Nanga Tiga sia-sia. Bukan sahaja Apai Icut menentang dan menuduhnya menderhaka kepada ketua, malah bapanya sendiri (Sadau) turut menyertai kumpulan penduduk yang akan membalak hanya kerana diberikan elau sebanyak sepuluh ringgit. Impak terhadap persekitaran akibat pencerobohan terhadap hutan sudah mula dapat dilihat dalam masa yang singkat. Telinga mereka bukan sahaja terpaksa menahan bingit bunyi bising jentera sepanjang hari, malah mata mereka juga sudah dapat melihat perubahan persekitaran. Bukit Kaling sudah mula lapang dan puncaknya akan menjadi botak dalam masa yang singkat. Lama kelamaan, Bukit Kaling yang sebelum ini kelihatan sangat menyeramkan pada waktu malam akan botak dijarah. Ini bermakna, penduduk Nanga Tiga perlu bersedia untuk turut mengalami nasib yang sama selepas itu.

Dalam ekologi, masalah alam sekitar tidak wujud secara bersendirian, tetapi saling mempengaruhi dan mempunyai perkaitan antara satu masalah alam sekitar dengan masalah alam sekitar yang lain. Apabila semua faktor ini bergabung, satu malapetaka yang besar akan berlaku tanpa mampu ditahan lagi. Perkaitan antara pencemaran bunyi dan pencemaran udara yang datang secara

bersama telah ditampilkan pengarang ini dalam petikan sebelum ini (halaman 159). Pencemaran sungai umpamanya, menjadi lebih maksimum kesannya apabila kawasan hutan dibalak, seterusnya dijadikan kawasan ladang pertanian. Hakisan tanah akan berlaku di kawasan yang telah dinyahutan. Pada masa yang sama, berlaku pencemaran udara apabila molekul-molekul tanah di kawasan terabbit dipindahkan dalam bentuk debu. Aliran air turut mendapat impaknya apabila molekul-molekul tanah ini dimendapkan ke sungai melalui aliran air hujan. Akhirnya berlaku banjir lumpur apabila hujan lebat tidak mampu ditampungi alirannya oleh sungai yang kian cetek akibat mendakan berkenaan. Kepupusan kawasan hutan pula mengakibatkan aliran air tidak dapat diserap ke dalam bumi. Walaupun tahap kemerosotan alam sekitar asalnya bermula melalui penebangan pokok untuk pembalakan, namun nyahutan ini tidak sahaja menimbulkan masalah tanah tetapi turut menyebabkan gangguan alam sekitar yang lain seperti bekalan hujan dan pertambahan karbon dioksida ke atmosfera (Jamaluddin Md. Jahi, 2001).

Perubahan suasana yang sunyi dan tenteram kepada suasana yang bingit, bising dan hiruk pikuk itu turut mengganggu Jabau yang bukan sahaja gelisah dengan kemungkinan buruk bakal menimpa kawasan perkampungan mereka, tetapi juga resah dengan perubahan yang sedang berlaku. Kawasan hutan dan bukit akan dibalak dengan rakus. Kebisingan yang berlangsung dalam jangka masa yang panjang (semenjak subuh hingga senja) boleh menyebabkan gangguan emosi. Dalam kes ini, gangguan yang berlaku terhadap Jabau disebabkan dia membantah penebangan hutan di kawasannya dan terganggu dengan pencemaran bunyi bising. Jong Chian Lai dalam novel ini menjadikan pencemaran bunyi tanpa

kawalan sebagai pencetus impak emosi dalam watak Jabau. Emosi Jabau berhadapan dengan pencemaran bunyi diserahkan pengarang ini pada halaman 160 dan 161. Penentangan terhadap aktiviti pembalakan di kawasan mereka timbul apabila Jabau menyedari impak yang perlu didepani sekiranya kawasan hutan yang mereka diamai dimusnahkan. Dia masih belum bersedia untuk berhadapan dengan kehidupan baru apabila alam sekitar telah musnah sepenuhnya nanti. Kritikan Jabau tersebut menepati kritikan eko dari sudut etika ekologi yang mementingkan kelangsungan persekitaran.

Jabau juga sering membandingkan antara kedua-dua suasana tersebut, iaitu keadaan hiruk pikuk dan suasana aman damai yang wujud apabila bunyi jentera berkenaan dimatikan. Perbezaan yang wujud dalam dua suasana ini memberi gambaran kepada pembaca tentang kesan yang perlu ditanggung apabila mengabaikan alam sekitar. Sumber alam seperti tumbuh-tumbuhan tidak boleh diperbaharui. Hutan primer yang telah dibalak akan mengambil masa beratus-ratus hingga beribu-ribu tahun untuk mencapai status klimaks asal. Spesies yang telah hilang sama ada dibalak atau yang termusnah akibat kegiatan pembalakan yang tidak sistematik dan tidak mengambil kira kepekaan ekologi tidak dapat dikembalikan (Abdul Latiff, 1997), sedangkan, kedamaian kawasan perkampungan Jabau yang berada ditengah hutan itu sangat dipengaruhi dengan kesemulajadian persekitaran. Alam yang hilang sukar diganti semula, setiap pengubahsuaian terhadap alam perlu dipertimbangkan sebelum ia benar-benar sudah tidak dapat diselamatkan lagi seperti dinyatakan pada halaman 165 dan 167, iaitu;

Bunyi jentera di atas Bukit Kaling berhenti seketika. Nanga Tiga tiba-tiba membisu. Dan baru terasa ketenteramannya. Baru terdengar air sungai mengalir

deras. Dan angin datang sepoi-sepoi bahasa. Suara siulan burung masih kedengaran dari arah sungai dan hutan di sebelah bukit itu. Geseran daun-daun pokok mendayu-dayu dalam suasana yang tenang itu, semuanya seperti sediakala. Sepi. Tapi untuk sementara saja.

(Jong Chian Lai, 1990; 165)

Berdasarkan petikan ini, penulis menggunakan teknik perbandingan untuk menyalurkan pemikirannya berkaitan alam sekitar kepada pembaca. Penulis membandingkan suasana bising yang perlu dilalui sekiranya alam diabaikan, berbanding keadaan yang lebih tenang, nyaman, tenteram dan sepi tanpa punca pencemaran bunyi. Walaupun penulis hanya menggambarkan kebisingan itu dihasilkan “*tiga buah jentera sahaja*”, dengan “*entah berapa banyak lori yang mengangkut tanah*” (hal.160), tetapi kesannya perlu diterima hampir seluruh kawasan hutan tersebut. Akhirnya, pembaca akan memutuskan suasana manakah yang lebih baik untuk kesejahteraan kehidupan mereka tanpa apa-apa propaganda dan paksaan oleh pengarang.

Sekalipun Jabau adalah satu-satunya warga Nanga Tiga yang tidak bersetuju dengan penerokaan terhadap hutan di sekitar mereka, namun dia akhirnya tidak mampu berbuat apa-apa. Penentangannya dipandang sepi warga rumah panjang, apalagi Apai Icut yang menjadi Tuai. Biar sebagaimana tegas kehendak Jabau untuk mempertahankan hutan di Nanga Tiga, namun perjuangan itu sia-sia belaka tanpa mendapat sokongan sesiapa termasuk Sadau, bapanya sendiri. Jabau berjuang secara bersendirian, umpama seekor anjing yang menyalak bukit; tidak meninggalkan apa-apa kesan terhadap bukit berkenaan, sebaliknya memudaratkan diri sendiri. Dia kemudiannya disingkirkan dari rumah panjang tersebut kerana kedegilan dan penentangan yang tidak pernah tamat dilakukannya.

Pencemaran bunyi yang berlaku bukan sahaja mencengkam seluruh Nanga Tiga, malah semakin membuatkan Jabau tidak tenteram. Semakin bingit suasana Nanga Tiga, semakin Jabau rasa tidak selesa dan menekannya. Semakin panjang jangka masa kebisingan berkenaan, semakin panjang kegelisahan Jabau sehingga mengganggu banyak aktiviti sehariannya. Perasaan marah kepada Tauke Yap semakin membuk-buk, apalagi setelah Jabau mengetahui bahawa kegiatan pembalakan berkenaan tidak mendapat lesen yang sah, sebaliknya mereka memberi sogokan untuk melakukan kerja-kerja tersebut. Tenaga kaumnya diperah dengan upah yang tidak setimpal, sedangkan pada masa yang sama mereka turut kehilangan tanah tradisi yang diwarisi sejak nenek moyang lagi. Tindakan membalak tanpa lesen adalah salah di sisi undang-undang negara, juga melanggar etika ekologi, kerana berlaku eksplorasi tanpa batasan hingga mengganggu alam dan masyarakat pribumi yang mendiami kawasan berkenaan. Pengarang mengangkat isu pencerobohan kawasan hutan, pencemaran bunyi bising dan eksplorasi alam dalam novel ini sebagai satu bentuk kritikan sosial yang perlu ditangani.

Jabau akhirnya pasrah, lebih tepat lagi disebut putus asa. Kebisingan yang selama ini sangat asing di Nanga Tiga seakan mula dapat diterima walaupun agak mengganggu pada awalnya. Dia seakan kehabisan cara dan ikhtiar untuk mempertahankan hutan tersebut. Ketibaan jentera-jentera untuk kerja-kerja menyodok, meratakan tanah dan menjalankan aktiviti pembalakan tidak mampu dihalang setelah semua usaha untuk mempengaruhi Apai Icut dan masyarakat rumah panjang hanya sia-sia. Dia sudah kehabisan akal untuk menghalang kemusnahan alam sekitar semulajadi. Hanya hatinya sahaja terpenuh dengan

protes, kemarahan dan kebencian tanpa mampu melakukan apa-apa lagi untuk menghalangnya. Perkataan-perkataan “sial”, “jahanam”, “binatang jahanam”, “malapetaka” dan “memekak” yang digunakan menggambarkan perasaan marah dan benci Jabau dengan semua yang berlaku di hadapan mata tanpa dapat dihalang. Perasaannya berbaur antara marah, geram, benci, sakit hati dan putus asa.

Pencemaran bunyi berlaku secara berterusan sehingga menimbulkan rasa tidak selesa penduduk Nanga Tiga. Kebisingan bunyi jentera bermula seawal subuh dan berlangsung hingga senja (halaman 164 dan 165) tanpa mempedulikan gangguan terhadap penghuni yang lain. Jabau sangat tidak selesa dengan perubahan yang berlaku. Dia tidak tenteram dengan bunyi jentera yang telah menenggelamkan suara alam seperti cengkerik, riang-riang, lotong, unggas dan burung hantu yang dirasakan lebih mendamaikan. Perubahan yang sedang melanda kawasan petempatan mereka membuatkan emosi Jabau turut terganggu. Jiwanya tidak tenteram dengan semua gangguan yang terjadi, lebih-lebih lagi apabila mengetahui pembalakan berkenaan dilakukan secara haram. Sepanjang hari, kawasan Nanga Tiga bagaikan terkepung dengan kebisingan seperti petikan di bawah;

Bunyi ngauman jentera masuk ke cuping telinganya. Hatinya tidak senang dengan pencemaran ketenteraman itu. Orang di sini biasa dengan keadaan sepi saban hari, biasa dengan suara cengkerik dan riang-riang serta sahutan burung malam dan burung hantu waktu malam. Dan siangnya hanya suara siulan burung, jeritan lotong dan lolongan budak-budak nakal. Mungkin orang di sini sudah bosan dengan ketenangan. Mereka turut membising. Mereka tidak pentingkan ketenteraman lagi.

(Jong Chian Lai, 1990; 167)

Ketidakselesaan berkenaan mereka alami pada peringkat awal kerja-kerja pembalakan dan penggondolan tanah dijalankan di Bukit Kaling. Perubahan

suasana yang aman, tenteram dan sunyi menjadi sangat bising dan merimaskan itu hanya dirasakan dalam jangka masa yang pendek sahaja. Mereka mula menerima dan berasimilasi dengan perubahan berkenaan secara perlahan-lahan. Pencemaran bunyi tidak lagi menjadi beban kepada mereka. Mereka merasakan perubahan mutu persekitaran itu perlu diterima sekiranya mahukan perubahan, pembangunan dan perubahan taraf hidup. Namun begitu, apabila bunyi bising berkenaan terhenti secara tiba-tiba dan berlaku bukan pada waktu biasa, Jabau jadi hairan. Dia mengesyaki sesuatu yang tidak baik telah berlaku (halaman 168, 169 dan 171). Rasa syak itu sangat kuat apabila dia dapati seekor burung helang telah terbang melintasinya dengan cepat seperti terkejutkan sesuatu (halaman 168 dan 171). Menurut kepercayaan masyarakatnya, keadaan itu adalah satu petanda bahawa sesuatu perkara yang tidak baik bakal berlaku. Dilihat dari sudut ekologi sosial, kepercayaan dan amalan budaya setempat masyarakat mencetuskan keseimbangan alam besandarkan wujudnya hubungan antara kedua-dua perkara tersebut.

Jabau mengamuk apabila bapanya (Sadau) telah mati kerana mendapat kecederaan teruk dihempap batang balak yang ditebang. Kematian bapanya membuatkan Jabau menyimpan dendam terhadap Poling, Tauke Yap dan Apai Icut. Dendam itu semakin meruap-ruap membakar dirinya apabila Sunti yang pernah menjadi tunangnya telah dirogol Poling. Malangnya, Jabau telah menjadi mangsa tembakan senapang peluru tabur penduduk rumah panjang yang terserempak dengannya semasa mereka mengejar perogol itu pada hari kejadian. Mereka menyangka Jabau yang merogol Sunti. Jabau bukan sahaja ditembak, malah dipukul dan dimaki sehingga Sunti menafikan Jabau yang merogolnya.

Jabau menerima rawatan kecederaan tersebut beberapa hari di rumah panjang sebelum dia memutuskan untuk kembali ke pondok yang menjadi tempat tinggalnya selepas dihalau Apai Icut dari rumah panjang berkenaan walaupun kecederaannya masih belum pulih sepenuhnya. Poling yang bimbang rahsia pencabulannya terhadap Sunti akan dihebahkan oleh Jabau kepada semua penduduk rumah panjang telah membakar pondok yang menjadi tempat tinggal Jabau. Kebakaran pondok berkenaan menyebabkan penghuni rumah panjang termasuk ibunya menyangka Jabau sudah mati. Jabau telah dibantu Semanjau dan mudik ke hulu, kemudian bersembunyi di pondoknya sendiri yang berada agak jauh dari rumah panjang. Dia berada di pondok sehingga kesihatannya pulih.

Ketika semua orang menganggap Jabau telah mati, timbul kesedaran tentang kebenaran semua kata-katanya sebelum itu. Keputusan Apai Icut membenarkan kegiatan pembalakan di kawasan mereka mula dipertikaikan. Walaupun mereka mula menyedari kesilapan sendiri dan memikirkan kebenaran kata-kata Jabau, namun semuanya sudah terlambat. Pada masa tersebut, penduduk rumah panjang baru mengetahui yang Nanga Tiga telah tergadai di tangan Apai Icut akibat kejahilan mereka sendiri. Apai Icut yang tamakkkan duit dan mementingkan diri mereka anggap sebagai pengkhianat terhadap nenek moyang sendiri.

Suasana Nanga Tiga yang senyap sunyi pada hari mereka merancang untuk membunuh Poling dan Tauke Yap membuatkan mereka hairan (halaman 211). Senyap sunyi serupa itu hanya berlaku pada hari Sabau dihempap pokok sebelum itu sahaja (halaman 168 hingga 171). Selain daripada hari kematian Sajau, Nanga Tiga ditenggelami pencemaran bunyi sepanjang hari. Penduduk rumah panjang

mengesyaki rancangan mereka untuk membunuh Poling dan Tauke Yap telah bocor dan diketahui menyebabkan semua aktiviti pembalakan diberhentikan. Pada masa yang sama, mereka tidak dapat memastikan siapa yang telah membocorkan rancangan tersebut ke pengetahuan Poling dan Tauke Yap. Walaupun begitu, mereka nekad untuk meneruskan rancangan asal dan mula bergerak ke kawasan pembalakan mencari Tauke Yap. Kumpulan mereka bukanlah kumpulan yang pertama mencari Tauke Yap, sebaliknya pekerja-pekerja balak juga sedang mencari ketua mereka untuk mendapatkan arahan tugas pada hari tersebut. Kehilangan Tauke Yap dan Poling menjadi tanda tanya sehingga kemunculan Jabau bersama dua karung guni yang padat berisi bersamanya.

Jabau yang baru sembah daripada kecederaan telah menuntut bela dengan membunuh Poling yang merogol Sunti dan cubaan membunuhnya dengan membakar pondok didiaminya itu. Kemunculan Jabau yang dikatakan telah mati dianggap sebagai hantu. Jabau dituduh kejam, tidak berperikemanusiaan dan berperangai seperti binatang kerana membunuh Poling dan Tauke Yap. Pada masa itu, Jabau membocorkan rahsia Poling yang merogol Sunti dan konspirasi antara Apai Icut, Poling dan Tauke Yap menjual hutan Nanga Tiga tanpa disedari penduduknya. Jabau cuba untuk menembak Apai Icut kerana menganggap semua masalah yang timbul di Nanga Tiga berpunca daripada mereka. Walau bagaimanapun, hasrat tersebut tidak tercapai. Jabau terlebih dahulu ditembak ibunya (Mina) dengan senapang patah.

Jabau mati di tangan ibunya sendiri. Kematian ini umpama berakhirnya satu perjuangan, malangnya, ia berlaku ditangan ibunya sendiri. Mati di tangan ibu sendiri bagaikan satu isyarat tentang perjuangannya tidak diterima termasuk oleh

ahli keluarga sendiri. Lebih sadis, perjuangan Jabau ditolak ibunya sendiri. “Ibu” dalam novel ini bukan sahaja dilambangkan sebagai ibu biologi yang melahirkannya, tetapi juga merujuk kepada tanah air dan ibu pertiwi. Ini juga bermakna, perjuangan Jabau dilakukannya sendirian tanpa sokongan sesiapa termasuk keluarga; Jabau mati ditembak ibunya, manakala ayahnya mati dihempap kayu balak. Penyertaan ayahnya sebagai pembalak terang-terangan menyerlahkan penentangan terhadap perjuangan anak sendiri.

Kematian Jabau umpama gagalnya usaha untuk mempertahankan alam, iaitu satu kematian yang sia-sia. Usaha dan perjuangannya selama ini tidak berjaya mengembalikan keaslian alam sekitar yang mula tercemar. Kematian Jabau juga menjadi simbolik bahawa persaingan mendahuluikan alam dalam satu kehidupan yang lestari tidak dapat diterima dan dilaksanakan dalam masyarakat Nanga Tiga kerana mereka sudah memilih untuk mengubah persekitaran berkenaan. Penentangan Jabau dan pelbagai peristiwa yang berlaku sepanjang pemugaran kawasan hutan untuk dibalak itu seakan tidak mengubah apa-apa. Sadau yang mati dihempap pokok tidak memberi impak apa-apa kepada mereka, termasuk kejadian Sunti dirogol. Hanya Jabau yang peduli apabila Sunti dirogol hingga mendorong dia membunuh Poling. Kesucian Sunti yang dicerobohi sama seperti pencerobohan kawasan hutan di Nanga Tiga. Keperawanahan Sunti yang diragut umpama hutan Nanga Tiga yang berjaya dicerangkan, dipokah dan dikeluarkan kekayaannya. Eksploitasi ekologi hutan Nanga Tiga menggambarkan kerakusan manusia meneroka alam dan mementingkan nilai ekonomi semata-mata tanpa mengambil kira kelangsungan alam pada masa hadapan.

Walaupun masih wujud sedikit kesedaran di kalangan beberapa orang penghuni rumah panjang Nanga Tiga selepas mereka menyangka Jabau telah mati dalam kebakaran pondoknya, namun api kesedaran berkenaan sangat kecil upayanya untuk mencabar kuasa Apai Icut sebagai ketua rumah panjang. Selepas kematian Jabau di tangan ibunya sendiri, Nanga Tiga masih juga seperti asal; diselubungi kebisingan sepanjang hari (halaman 211). Mereka bersedih dengan tragedi yang belaku selama dua hari sahaja. Aktiviti pembalakan dan eksplorasi hutan diteruskan semula dengan lebih rakus.

Suasana di Nanga Tiga kembali dilanda pencemaran bunyi bising semula apabila kerja-kerja pembalakan diteruskan. Pencemaran bunyi bising berkenaan berlangsung seperti sebelum kematian Jabau: bermula seawal pagi hingga lewat senja. Kegiatan penerokaan bukit dan menebang balak tetap berterusan sehingga Bukit Kaling yang terletak di belakang Nanga Tiga tidak kelihatan menyeramkan lagi pada waktu malam. Biarpun banyak tragedi berlaku di Nanga Tiga gara-gara pembalakan haram, namun, pembalakan tetap diteruskan juga. Alam masih juga diteroka tanpa peduli semua tragedi yang berlaku pada hari-hari sebelumnya. Perjuangan mempertahankan alam sekitar lenyap begitu sahaja bersama kematian Jabau.

4.2.3 Kemerosotan Mutu Alam Sekitar Akibat Pencemaran Udara

Berdasarkan novel-novel kajian, kemerosotan mutu alam sekitar akibat pencemaran udara hanya dapat dikesan dalam novel *Gugurnya Langit hijau Nanga Tiga* (1990). Novel ini mengetengahkan tentang isu alam sekitar yang mengubah keindahan Nanga Tiga apabila aktiviti pembalakan haram dijalankan

secara meluas di kawasan berkenaan. Persekutaran semulajadi yang terjaga selama ini berubah secara perlahan-lahan setelah sedikit demi sedikit kawasan hutan diteroka secara haram (halaman 128, 129 dan 200), walaupun mereka mendakwa mempunyai lesen membalak (halaman 10). Jarak Nanga Tiga yang jauh ke kawasan pedalaman memudahkan kegiatan pembalakan haram berkenaan (halaman 86) dijalankan tanpa dikesan pihak berkuasa.

Dengan mengenepikan etika, Apai Icut telah menerima sogokan daripada Taukeh Yap sehingga mendorong dia membocorkan rancangan anak-anak buahnya yang cuba menghalau Poling dan Tauke Yap (halaman 208 & 209). Sogokan berjumlah ribuan ringgit itu membuatkan Apai Icut sanggup gadaikan Nanga Tiga (halaman 200) dan menyebelahi Poling dan Tauke Yap (halaman 217 & 218). Penduduk rumah panjang Nanga Tiga termasuk Tuai Rumah (Apai Icut) termakan dengan janji dan harapan yang Poling taburkan bagi pihak Tauke Yap. Poling menggunakan slogan “memajukan sesama kaum Iban” sebagai salah satu cara untuk meraih persetujuan penduduk rumah panjang. Kesukaran hidup di kawasan pedalaman tanpa jalan raya yang menghubungkan kawasan petempatan mereka dengan pekan terdekat telah dijadikan alasan yang kuat untuk mempengaruhi masyarakat rumah panjang dikesan dalam ayat “Jadi kami ingin majukan Iban. Kami tak boleh lagi tengok hidupnya bangun pagi tengok hutan. Tidur malam dalam hutan. Hidup dalam hutan” (Jong Chian Lai, 1990; 10).

Walaupun mendapat tentangan daripada Jabau yang mempunyai alasan tersendiri terutama melibatkan alam sekitar yang mereka diam, namun Apai Icut tidak mempedulikan bantahan berkenaan. Masyarakat rumah panjang yang lain pula terpaksa bersetuju dengan kehendak Apai Icut kerana mempunyai

kepentingan tertentu seperti mendapat wang dengan lebih mudah apabila bekerja sebagai pembalak (halaman 47) dan ingin memberi pendidikan kepada anak-anak seperti dinikmati oleh kaum lain yang tinggal di pekan (halaman 49).

Penduduk rumah panjang di Nanga Tiga bersetuju kawasan berhampiran dibalak kerana ditawarkan pekerjaan sebagai pembalak. Tauke Yap menyerahkan sagu hati sebanyak sepuluh ringgit Malaysia seorang kepada sesiapa yang bersetuju menjadi pembalak. Selain sagu hati sebanyak sepuluh ringgit itu, mereka juga akan mendapat bayaran untuk kerja-kerja membalak yang akan dilakukan. Pekerjaan sebegini memberi mereka gaji dalam bentuk wang ringgit yang selama ini sangat sukar diperoleh kerana mereka tinggal jauh di kawasan pedalaman. Selama ini, mereka perlu menukarkan hasil hutan di pekan berhampiran apabila memerlukan barang keperluan seperti garam dan pakaian. Mendapat bayaran gaji dalam bentuk wang ringgit memudahkan mereka untuk mendapatkan barang keperluan tanpa perlu melakukan pertukaran barang (sistem barter) yang kerap kali dibeli dengan harga murah oleh tauke di pekan.

Perubahan mula dapat dirasai di Nanga Tiga apabila pembalakan dimulakan. Penduduk mula berhadapan dengan gangguan bunyi bising jentera yang digunakan. Kehijauan kawasan hutan mula berubah apabila balak-balak ditumbangkan, seterusnya mereka mula berhadapan dengan pencemaran udara. Dari sudut kritikan Eko, gangguan yang dilakukan untuk mendapatkan keuntungan dari alam dan ekologi diklasifikasikan sebagai sebahagian daripada *Deep Ecology*, iaitu satu konsep yang menolak ideologi pemusnah alam sekitar, sebaliknya lebih mengutamakan kelestarian alam. Aktiviti pembalakan haram ini bukan sahaja menyebabkan kemerosotan sumber kayu balak, tetapi turut

menyumbang kepada kemerosotan mutu alam sekitar akibat pencemaran bunyi, air dan udara. Kemerosotan mutu alam sekitar akibat pencemaran udara ekoran kegiatan pembalakan haram telah dinyatakan penulis ini dalam satu perenggan yang ringkas seperti di bawah;

Bunyi jentera di Bukit Kaling semakin kuat ngaumannya. Asap-asap hitam yang keluar dari serombongnya sudah kelihatan. Jeritan kuli-kuli di situ kadang-kadang seperti memperkatakan kebodohan orang Nanga Tiga. Dia sedar malapetaka mula menjalar masuk ke tanah dan hutan hijau itu. Orang Nanga Tiga belum sedar dari mimpi siangnya. Apai Icut belum tahu hati budi orang seperti Tauke itu. Yang dia tahu - ada manusia yang sanggup menolong, jadilah manusia itu temannya untuk sama-sama makan dan minum. Kalau boleh tidurpun bersama. Apa gunanya dia bertegang urat kalau cuping telinga Apai Icut sudah bertebat tanah? Resah Jabau semakin menjadi.

(Jong Chian Lai, 1990; 145)

Pencemaran udara dalam novel *Gugurnya Langit hijau Nanga Tiga* (1990) dipaparkan melalui kehadiran asap hitam yang dihasilkan jentera, termasuk lori-lori yang digunakan untuk mengangkut keluar tanah yang diratakan dan kayu-kayu yang telah ditebang dan dipotong. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2004), punca utama pencemaran udara adalah daripada kenderaan bermotor, industri dan pembakaran terbuka. Operasi memugar tanah dan membalaik yang dilakukan sepanjang hari di Nanga Tiga telah menyebabkan persekitaran semula jadi mula dicemari asap hitam disamping bunyi bising yang berpanjangan. Kepulan asap hitam seperti petikan novel (halaman 145) berpunca daripada jentera berat Mitsubishi yang digunakan untuk mengorek tanah bagi pembinaan jalan balak. Pembinaan jalan ini membolehkan kayu-kayu balak yang telah ditebang dibawa keluar dari hutan. Kesunyian kawasan hutan telah berubah dengan bunyi bising dan kepulan asap hitam. Walaupun pelepasan asap serta gas pencemar seperti Karbon Monoksida (CO), Hidrokarbon (HC), Nitrogen Oksida (NOx) serta partikel habuk halus yang dilepaskan melalui ekzos kenderaan bermotor adalah

dikawal di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan daripada Enjin Diesel) 1996 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan daripada Enjin Petrol), 1996 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2009b), namun, lokasi Nanga Tiga yang terletak jauh di pedalaman juga menyukarkan tindakan perundangan. Dari segi yang lain pula, jarak ini menyebabkan apa yang berlaku di Nanga Tiga (pembalakan haram) tidak diketahui oleh pihak berkuasa.

Selain menyentuh tentang sumber pencemaran udara yang berpunca daripada kenderaan bermotor seperti jentera dan lori yang digunakan untuk meranapkan Bukit Kaling, Jong Chian Lai juga turut mengetengahkan tentang kesan pencemaran udara terhadap kesihatan manusia dalam nada senda yang sinis, seperti dalam perenggan berikut;

Kepulan asap hitam memanjang langit yang cerah. Kemudian kepulan asap yang keluar dari bukit Kaling itu menghilang. Tidak lama lagi terlekat dalam lubang hidung, tahi hidung bercampur dengan kotoran hitam. Mata pasti gatal-gatal. Udara Nanga Tiga tidak lagi sesuci dahulu. Hidung akan sakit mencium bau asap. Pasti mereka sedar. Kata-katanya dahulu itu benar. Malapetaka akan datang dibawa perubahan itu.

(Jong Chian Lai, 1990; 159)

Sekecil-kecil impak yang disumbangkan pencemaran udara seperti yang terjadi di Nanga Tiga ditonjolkan melalui kualiti udara yang tidak sihat seperti terdapat asap hitam di ruang udara. Ditinjau dari sudut impak kesihatan manusia, pencemaran udara boleh menyebabkan daki hidung, asap, mengalami kegatalan pada bahagian mata dan terdapat bau asap di ruang udara apabila pencemaran udara berada pada tahap yang tidak sihat. Kesan yang sekecil ini dinyatakan pengarang dalam novel ini sebagai satu bentuk gambaran yang mampu diterima oleh masyarakat setempat berdasarkan logik akal mereka. Kesan yang diutarakan

pengarang ini merupakan kesan yang bakal dihadapi masyarakat rumah panjang di Nanga Tiga sekiranya mereka tidak berusaha untuk menjaga kelangsungan alam sekitar. Ini bermakna kemerosotan alam sekitar berkaitan pencemaran udara ini masih belum berlaku secara realiti, sebaliknya hanya terjadi dalam monolog Jabau. Menyedari impak tersebut, Jabau berusaha bersungguh-sungguh untuk memperjuangkan kawasan hutan di Nanga Tiga daripada dieksplotasi sewenang-wenangnya. Ini juga turut mendorong Jabau menentang keputusan Apai Icut dan masyarakat rumah panjang lain yang membenarkan Tauke Yap membalaik di kawasan mereka.

Penentangan berkenaan mewujudkan konflik. Apai Icut menganggap Jabau sebagai penderhaka yang tidak menghormati ketua sehingga memutuskan pertunangan Jabau dan anaknya, Sunti, seterusnya menghalau Jabau dari rumah panjang dan petempatan mereka. Mereka lebih mudah mengikut Tauke Yap dan Poling setelah Jabau disingkirkan. Kerja-kerja pembalaikan mula dijalankan secara berterusan sejak awal pagi hingga lewat petang. Hutan-hutan dibalak dengan rakus, manakala kawasan bukit yang digondolkan diangkut tanahnya menggunakan lori ke kawasan lain. Nanga Tiga mula berubah wajah. Penduduk mula terasa yang mereka telah kehilangan kehijauan hutan, terganggu dengan bunyi bising yang berpanjangan dan kian menyedari bahawa kawasan kediaman mereka semakin terancam. Kesedaran tentang alam sekitar mula terserlah apabila Nanga Tiga tidak aman lagi akibat kedatangan orang asing. Sunti umpamanya, telah dirogol Poling, Sajau (bapa Jabau) pula mati dihempap pokok, Jabau sendiri terkena tembakan peluru kapur kerana disangka perogol Sunti ketika penduduk rumah panjang cuba mengejar Poling, manakala pondok didiami Jabau telah

dibakar sehingga semua penduduk Nanga Tiga percaya Jabau telah mati. Jabau yang dianggap mati itu telah menghilangkan diri ke pondoknya yang terletak lebih jauh ke dalam hutan sehingga luka tembakan itu sembuh.

Ketiadaan Jabau menyebabkan beberapa orang penduduk rumah panjang cuba berpatah balik dan berusaha menghentikan kegiatan pembalakan tersebut. Mereka mula menyedari kebenaran kata-kata Jabau sebelum itu tentang kemerosotan alam sekitar yang akan berlaku sekiranya kawasan sekitar Nanga Tiga dibalak. Mereka mula menyaksikan impak berkenaan secara perlahan-lahan. Ini menyebabkan mereka sepakat untuk menghalau Poling dan Tauke Yap dari Nanga Tiga dan menarik balik sokongan yang diberikan sebelum ini. Malangnya, usaha berkenaan telah terlambat. Nanga Tiga sudah mereka gadaikan kepada Tauke Yap tanpa disedari. Saat itu mereka menyedari bahawa Apai Icut telah belot dengan nenek moyang yang membuka Nanga Tiga berpuluhan tahun lampau semata-mata mengejar sedikit wang yang disogokkan Tauke Yap. Ini bermakna, mereka perlu menerima sepenuhnya eksloitasi alam di Nanga Tiga tanpa mampu membantah walaupun terpaksa berhadapan dengan masalah alam sekitar dan pencemaran. Impak berkenaan pula perlu mereka tanggung hingga beberapa generasi sekiranya tidak dicegah lebih awal.

Merujuk kepada novel *Gugurnya Langit hijau Nanga Tiga* (1990) yang dianalisis, pengarang mengetengahkan tentang kemungkinan berlakunya kemerosotan mutu alam sekitar di persekitaran mereka apabila wujud pencemaran bunyi dari jentera berat. Kata “Tidak lama lagi” (halaman 159) dalam petikan ini menyatakan bahawa semua kesan itu terpaksa mereka tanggung sekiranya alam sekitar yang mereka diam di mengalami kemerosotan mutu dan pencemaran udara.

Ia adalah gambaran bahawa kesedaran untuk menjaga kelangsungan hutan dan persekitaran yang mereka diam di dalam diri warga tersebut walaupun mereka tinggal jauh di pedalaman. Mereka sudah mengetahui kesukaran dan masalah kesihatan dan kemungkinan-kemungkinan yang perlu ditanggung sekiranya udara di kawasan tersebut telah tercemar. Menurut Nikolas (2010), pencemaran udara di kawasan pembalakan merupakan masalah bersifat sementara dan tidak kekal. Apabila aktiviti pembalakan di kawasan berhampiran telah tamat, secara tidak langsung masalah pencemaran juga tidak berlaku.

4.3 KESIMPULAN

Secara keseluruhan, usaha pengurusan sumber perlu dijalankan demi memastikan sumber alam digunakan secara seimbang dan berhemah. Ini penting supaya tidak menimbulkan kerosakan yang boleh mengancam kehidupan manusia. Keseimbangan ini amat perlu untuk kesinambungan masa depan bukan sahaja untuk generasi semasa, tetapi untuk semua generasi akan datang. Pandangan dan konsep ini tercakup dalam takrifan “pembangunan lestari” oleh Suruhanjaya Brundt, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu iaitu “satu bentuk pembangunan yang memenuhi keperluan semasa tanpa mengurangkan keupayaan generasi akan datang memenuhi keperluan mereka”. Interaksi yang tidak seimbang antara manusia dan alam menyebabkan berlaku kemerosotan mutu persekitaran yang dapat dikesan melalui kewujudan pencemaran air, bunyi dan udara. Kemusnahan ekosistem adalah suatu mala petaka kerana alam yang telah rosak tidak dapat dipulihkan semula seperti asal. Kegiatan manusia yang melebihi had mampu ditampung alam semulajadi akan ditunjukkan melalui pelbagai kerosakan dan

dampak seperti pemanasan global, kejatuhan cerun, hakisan tanah, El Nino, La Nina, banjir dan sebagainya.

Menganalisis karya sastera dari sudut kritikan eko, kemerosotan alam sekitar akibat pencemaran dalam novel kajian adalah bersumberkan kegiatan manusia mengeksplorasi alam kerana nilainya yang tinggi kepada sumber ekonomi. *Deep Ecology* telah menolak ideologi pemusnah alam yang tidak sepatutnya diamalkan, sebaliknya lebih utamakan kelestarian dalam semua aspek kehidupan. Ekologi memerlukan kebijaksanaan dalam pengurusannya untuk kelangsungan sumber kepada generasi akan datang.

Analisis yang dilakukan terhadap novel-novel kajian menunjukkan bahawa terdapat kecenderungan di kalangan pengarang negeri Sarawak untuk menyebarkan kesedaran kepada pembaca tentang kepentingan menjaga alam sekitar secara lebih mampan sebelum bencana alam melanda. Pengalaman dialami negara-negara maju yang pernah mengeksplorasi alam sekitar mereka semasa zaman perindustrian lampau perlu dijadikan pengajaran dan iktibar. Negara maju ini akhirnya terpaksa mengembara ke seluruh dunia untuk mendapatkan sumber bahan mentah bagi menampung keperluan semasa hingga akhirnya memaksa mereka menjajah negara-negara dunia ke tiga. Walaupun kemerosotan alam sekitar akibat pencemaran bunyi hanya dikemukakan dalam novel *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* sahaja, namun Jong Chian Lai mampu mengemukakan bagaimana pencemaran bunyi yang ada mempengaruhi kehidupan masyarakat setempat. Hubung kait yang dijalin itu membuatkan pembaca dapat menghubungkan bagaimana impak berkenaan saling mempengaruhi.

Pencemaran udara juga tidak banyak dikupas dalam novel-novel kajian, melainkan dalam novel *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* berpunca jentera yang digunakan untuk membina jalan laluan balak. Kedua-dua pencemaran ini berada pada tahap yang sangat sedikit dan mampu ditampung oleh persekitaran memandangkan negeri Sarawak masih lagi mempunyai peratus keluasan hutan yang besar. Ia sepatutnya tidak menggugat kesejahteraan masyarakat di tengah rimba berkenaan.

Isu pencemaran air telah di kemukakan dengan lebih menyeluruh oleh Jong Chian Lai dalam ketiga-tiga novelnya iaitu *Pindah*, *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* dan *Suara dari Rimba*. Keluhan masyarakat pribumi yang hidup bersumberkan hasil hutan telah diketengahkan dengan terperinci. Kesan eksplorasi sumber dan pembukaan tanah kerana mengabaikan alam sekitar memberi kesan negatif kepada kelompok masyarakat pribumi. Mereka tidak sahaja berhadapan dengan kawasan hutan yang dicerangkap, tetapi perlu menerima hakikat bahawa kehidupan nomad yang dijalani semakin sukar akibat kekurangan makanan. Binatang buruan telah lari jauh ke dalam hutan, sungai yang tercemar menyebabkan ikan semakin berkurangan, manakala tanah adat tempat mereka bercucuk tanam telah dicerobohi oleh pembalak. Pembalakan juga memusnahkan kawasan perkuburan nenek moyang mereka. Kesengsaraan yang semakin bertimpa ini menguji kesabaran masyarakat pribumi. Kemerosotan mutu alam sekitar akibat pencemaran telah menyebabkan kehidupan mereka tidak selesa. Air sungai yang digunakan semasa memenuhi keperluan harian semakin keruh. Ironinya, kemerosotan mutu sumber air sungai akan mengundang masalah yang lain pula, iaitu kemerosotan kesihatan.

Berdasarkan statistik yang dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia,¹ kemerosotan mutu alam sekitar di Sarawak hanya wujud sebagai satu bentuk penulisan kreatif yang dipaparkan dalam novel kajian semata-mata. Perangkaan yang dikeluarkan jabatan ini mendapati bahawa berlaku peningkatan terhadap jumlah sungai yang “Sederhana Tercemar” dan sungai yang “Bersih” di negeri Sarawak jika dibandingkan antara tahun 2001 dan tahun 2007. Ini bermakna, walaupun kerajaan negeri menjalankan aktiviti pembukaan tanah hutan untuk kegiatan perladangan, perlombongan atau pembalakan, hakikatnya keluasan hutan di Sarawak yang meliputi lebih lima puluh peratus jumlah keluasan hutan di Malaysia masih lagi mampu menampung kemerosotan alam sekitar yang terjadi secara semulajadi. Besar kemungkinan juga, kerajaan negeri mengamalkan satu bentuk pembangunan yang bersifat mampan dan lestari bagi memastikan alam sekitar di Sarawak lebih terjaga.

¹ Bruno Manser datang ke Malaysia pada 1983 dan tinggal secara haram bersama kaum Penan nomad di hutan pedalaman Sarawak sejak 1984 selama enam tahun sebelum menyusup keluar dari Bumi Kenyalang tanpa pengetahuan pihak berkuasa tempatan pada Mac 1990 dengan menyamar sebagai pelancong. Dia menyertai beberapa puak nomad Penan seperti puak Moyong Usai (sekitar Sungai Puak dan Hulu Temaron) dan puak Agan Polisi (sekitar Sungai Magoh). Kedua-dua kawasan ini terletak di Hulu Baram, Bahagian Miri, Selain itu tinggal bersama puak Along Segai di hulu Sungai Adang, Limbang. Masyarakat Penan menganggap Manser sebagai 'wira' yang memahami kehidupan mereka dan memperjuangkan nasib kaum Penan nomad menerusi kegiatan anti pembalakan. Malah mereka kini lebih percaya kepada orang putih yang dianggap sejiwa dan satu bangsa dengan Manser dan sangat bencikan syarikat pembalakan yang menyebabkan hidupan liar lari ke tempat lain apabila hutan ditebang (Khaidir Ahmad, 1993).

Manser menyebarkan dakyah bahawa kehidupan tradisional dalam hutan lebih baik dan bahagia berbanding kehidupan secara moden. Ini antara perkara yang menghalang pembangunan dan pembahagian kekayaan sama rata kepada penduduk pelbagai kaum di Sarawak. Manser turut mengedarkan surat berantai ke beberapa negara Barat, khususnya Australia dan New Zealand yang menyatakan Malaysia mengeksplorasi hasil hutan. Apabila pembalakan mula diperluaskan ke Hulu Baram pada tahun 1986, beberapa kumpulan Penan nomad tiba-tiba dilaporkan membina benteng anti pembalakan bagi menyekat kemaraan kegiatan itu ke kawasan mereka. Beberapa orang Penan ditangkap kerana terbabit dalam pembinaan benteng berkenaan (Khaidir Ahmad, 1993).